



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 23 JANUARI 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	PPM TAHAN BOT PUKAT TUNDA LANGGAR LESEN TANGKAPAN, BH -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	HARAM GUNA ENAM ANTIBIOTIK HAIWAN, MY METRO -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	PRODUK BERASASKAN BABI DISIMPAN DALAM BAGASI, BH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5.	PAHANG BAKAL MAJUKAN PROJEK TANAMAN NANAS MD2, SH -ONLINE PAHANG BAKAL MAJUKAN PROJEK TANAMAN NANAS MD2, SINAR NEGERI PAHANG, SH -31	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

## PPM tahan bot pukat tunda langgar lesen tangkapan



LANGKAWI: Pasukan Polis Marin (PPM) menahan tujuh nelayan dan merampas bot pukat jerut kerana melanggar syarat sah lesen tangkapan di kawasan perairan Langkawi, semalam.

Komander Polis Marin Wilayah 1 Langkawi, Asisten Komisioner Rosman Ismail, berkata bot itu ditahan anggota PPM yang melakukan Op Gelora pada jam 3.40 pagi.

Katanya, terdahulu ketika rondaan bot peronda PPM mengesan bot pukat berkenaan sedang menangkap ikan pada jarak 7.9 batu nautika dari Kuala Kedah.

"Kami mendapati bot itu menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan iaitu kurang dari 15 batu nautika dan melanggar syarat sah lesen.

"Pemeriksaan lanjut mendapati bot itu dinaiki empat nelayan warga Thailand berusia di antara 19 dan 54 tahun," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Rosman berkata, turut berada dalam bot itu, tiga nelayan tempatan berusia antara 21 hingga 57 tahun.

"Bot dan nelayan terbabit kemudian dibawa ke Pangkalan Perikanan Kuala Kedah untuk tindakan selanjutnya.

"Kes disiasat bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan kurang dari 15 batu nautika," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2020	MY METRO	ONLINE	

## Haram guna enam antibiotik haiwan



Enam antibiotik dilarang penggunaan khusus untuk haiwan ternakan.

JABATAN Perkhidmatan Veterinar menyenaraikan enam antibiotik yang dilarang penggunaannya kepada haiwan ternakan bermula 31 Ogos tahun ini.

Enam antibiotik itu adalah erythromycin, enrofloxacin, tetracycline, ceftiofur, tylosin, dan fosfomycin.

"Larangan ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan pengawal seliaan kualiti dan keselamatan makanan haiwan demi menjamin kesihatan haiwan dan keselamatan makanan manusia," kata jabatan itu dalam satu kenyataan hari ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Produk berasaskan babi disimpan dalam begasi



KOTA BHARU: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas 30 kilogram produk berasaskan daging babi tanpa permit sah bernilai RM5,000 di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), di sini semalam.

Pengarah MAQIS Kelantan, Mohd Azam Yahya, berkata dalam gerakan kira-kira jam 12.30 tengah hari itu, pihaknya memeriksa 10 warga Singapura sebelum menemui produk terbabit yang dipercayai dibawa masuk untuk sambutan Tahun Baharu Cina.

Katanya, produk berasaskan daging babi itu dibungkus dengan pembalut plastik yang kemudian diletakkan dalam begasi masing-masing, namun dapat dikesan menggunakan mesin pengimbas.

"Produk terbabit untuk kegunaan sendiri dan tidak mempunyai permit import sah yang dikeluarkan oleh MAQIS untuk kemasukan, selain tiada sijil kesihatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa negara asal.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.

Seksyen berkenaan, katanya, memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan sehingga enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Mohd Azam berkata, kemasukan produk berasaskan daging babi memang tinggi terutama menjelang perayaan Tahun Baharu Cina.

Kementerian Industri Asas Tani sudah mengeluarkan arahan larangan pengimportan produk babi dari 13 negara, iaitu China, Thailand, Vietnam, Laos, Poland, Belgium, Kemboja, Hong Kong, Myanmar, Laos, Korea, Filipina dan Indonesia.

Larangan berkenaan sebagai langkah pencegahan penyebaran virus African Swine Fever (ASF), penyakit haiwan yang boleh menyebabkan kematian babi dan babi liar.

"Virus ASF memberi kesan buruk untuk jangka panjang, justeru dimohon semua mematuhi larangan pengimportan babi dan produk berasaskan babi terutama ketika musim perayaan ini.

"MAQIS sentiasa memantau setiap kemasukan keluaran pertanian melalui pintu-pintu masuk yang sah supaya isu membabitkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak berbahaya dapat dibendung serta dikawal," katanya

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/1/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Pahang bakal majukan projek tanaman nanas MD2



KUANTAN - Kerajaan Pahang bakal memajukan projek tanaman nanas jenis MD2 di atas tanah seluas 100.7 hektar di Pekoti Timur, Keratong, Rompin.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, projek penanaman dianggarkan berjumlah RM30 juta itu merupakan kerjasama antara Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang dan Greenworld Plantation Sdn Bhd.

Menurutnya, kerjasama itu juga dapat membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan warga Pahang.

"Kita telah menandatangani perjanjian bagi projek tersebut dan menjangkakan kira-kira 85 hingga 100 peluang pekerjaan dapat diwujudkan.

"Projek itu melibatkan kerjasama strategik bersama UMP Technology Sdn Bhd (UMPT) iaitu sebuah anak syarikat UMP Holdings Sdn Bhd bagi menjalankan aktiviti perundingan dan

pengkomersialan teknologi berkaitan pembangunan kawasan menggunakan teknologi moden," katanya menerusi laman Facebook beliau.

Jelasnya, majlis menandatangani perjanjian itu dilaksanakan dalam tempoh lima bulan selepas memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani di Singapura pada 2 Ogos tahun lalu.

Dalam majlis tersebut, Wan Rosdy Wan Ismail hadir menyaksikan perjanjian yang ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang, Datuk Suhaimi Mohd Yunus dan Pengarah Greenworld Plantation Sdn Bhd, Wesley Tan Seah Ging.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Dr Sallehuddin Ishak; Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Pahang, Datuk Seri Ir Mohd Soffi Tan Sri Abd Razak dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Fadzilla Salleh. Wan Rosdy berkata, bagi projek penanaman nanas ini, perjanjian telah dimeterai antara kerajaan Pahang bersama syarikat Ananas Republic Pte Ltd bersempena forum berkenaan di Grand Hyatt, Singapura.

Dalam pada itu, Wan Rosdy berkata, sebelum ini kerajaan Pahang berjaya menarik pelaburan berjumlah kira-kira RM1.134 bilion melalui Forum Pelaburan Pahang 2019 di Singapura pada 1 dan 2 Ogos tahun lalu.

Katanya, enam lagi perjanjian akan dimuktamadkan dan ditandatangani bulan depan dan dua lagi dijadualkan pada Mac tahun ini.

"Tiga lagi cadangan projek sedang dalam proses rundingan terma dan syarat dengan pihak pelabur," katanya.

## Pahang bakal majukan projek tanaman nanas MD2

**KUANTAN** - Kerajaan Pahang bakal memajukan projek tanaman nanas jenis MD2 di atas tanah seluas 100.7 hektar di Pekoti Timur, Keratong, Rompin.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, projek penanaman dianggarkan berjumlah RM30 juta itu merupakan kerjasama antara Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang dan Greenworld Plantation Sdn Bhd.

Menurutnya, kerjasama itu juga dapat membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan warga Pahang.

"Kita telah menandatangani perjanjian bagi projek tersebut dan menjangkakan kira-kira 85

hingga 100 peluang pekerjaan dapat diwujudkan.

"Projek itu melibatkan kerjasama strategik bersama UMP Technology Sdn Bhd (UMPT) iaitu sebuah anak syarikat UMP Holdings Sdn Bhd bagi menjalankan aktiviti perundingan dan pengkomersialan teknologi berkaitan pembangunan kawasan menggunakan teknologi moden," katanya menerusi laman Facebook beliau di sini semalam.

Katanya, majlis menandatangani perjanjian itu dilaksanakan dalam tempoh lima bulan selepas memorandum persetiaan (MoU) ditandatangani di Singapura pada 2 Ogos tahun lalu.

FOTO: IHSANI PAHANG MEDIA



Wan Rosdy (lima dari kiri) yakin projek penanaman nanas berjaya membuka peluang pekerjaan kepada rakyat selepas temeteral perjanjian persefahaman dengan syarikat Greenworld Plantation of Wisma Seri Pahang.

Dalam majlis tersebut, Wan Rosdy hadir menyaksikan perjanjian yang ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang, Datuk Suhaimi

Mohd Yunus dan Pengarah Greenworld Plantation Sdn Bhd, Wesley Tan Seah Ging. Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Dr Sallehuddin Ishak; Exco Pertanian,

Industri Asas Tani dan Bioteknologi Pahang, Datuk Seri Ir Mohd Soffi Tan Sri Abd Razak dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Fadzilla Salleh.